

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
KAWASAN : JASIN
TARIKH BAHAS : 21 MAC 2017
NO. SOALAN : 40

YB Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan impak Brexit dan Trumponomics ke atas ekonomi Malaysia

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua

Proses Brexit ataupun proses UK keluar daripada Kesatuan Eropah (EU) akan hanya bermula pada atau selepas 31 Mac 2017 iaitu selepas Kertas Putih dan Notis Pemberitahuan Rang Undang-Undang Keluar dari EU (*White Paper and the EU Notification of Withdrawal Bill*) dibahaskan di Parlimen UK. Proses Brexit ini masih di peringkat yang awal lagi dan dijangka akan mengambil masa lebih dari dua tahun.

Dalam tempoh itu, UK dan Kesatuan Eropah perlu menetapkan syarat-syarat proses keluar termasuk mengenai hubungan dagang dan ekonomi.

Untuk makluman, keputusan UK untuk keluar dari Kesatuan Eropah hanya akan memberi impak minimum kepada perdagangan dan pelaburan Malaysia. Asas yang kukuh dan kepelbagaian ekonomi Malaysia berada dalam kedudukan lebih baik untuk menghadapi sebarang ketidaktentuan.

UK adalah rakan dagang ketiga terbesar Malaysia di Kesatuan Eropah dan sumber pelaburan kelapan terbesar daripada luar negara.

Pada tahun 2016, perdagangan Malaysia dengan UK berjumlah RM15.29 bilion atau 1.0 peratus daripada keseluruhan dagangan Malaysia. Nilai dagangan Malaysia dengan UK menguncup 7 peratus berbanding RM16.5 bilion pada 2015. Eksport berjumlah RM8.74 bilion, iaitu pengurangan 6.2 peratus manakala import turut berkurangan sebanyak 6.2 peratus iaitu berjumlah RM6.55 bilion. Lebihan dagangan masih memihak kepada Malaysia sebanyak RM2.19 bilion.

Bagi memastikan hubungan perdagangan di antara Malaysia dan UK bertambah kukuh, MITI dan MATRADE secara berterusan akan menganjurkan aktiviti promosi produk dan perkhidmatan Malaysia di negara tersebut. Ia penting kerana Brexit akan mewujudkan ruang perniagaan yang lebih luas untuk syarikat-syarikat Malaysia. UK yang secara tradisinya bergantung kepada EU sebagai sumber perkhidmatan dan produk mereka, boleh beralih kepada Malaysia sebagai Negara baru untuk membekalkan produk dan perkhidmatan (outsourcing of services) tersebut.

Tuan Yang DiPertua

“Trumponomics” pula merujuk kepada dasar-dasar ekonomi Presiden Amerika Syarikat (A.S.) Donald Trump. Berdasarkan kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan oleh beliau, Presiden Trump dilihat mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap polisi-polisi perlindungan berlandaskan slogan “America First” dan “Make America Great Again” yang memberi keutamaan terhadap memajukan ekonomi domestik.

Sungguhpun, dasar perlindungan yang dilaksanakan oleh Presiden Donald Trump akan membawa beberapa perubahan dari segi hubungan ekonomi dua hala beberapa negara dengan A.S., impak “Trumponomics” ke atas ekonomi Malaysia adalah masih sukar dijangka. Ini kerana pentadbiran Presiden Donald Trump belum mengumumkan dasar perdagangan yang jelas, malah ahli-ahli kabinet perdagangan yang penting seperti USTR Robert Lighthizer masih belum disahkan oleh Dewan Senat Amerika Syarikat (setakat 2 Mac 2017).

Walau bagaimanapun, ingin saya maklumkan, bahawa hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala di antara Malaysia dan A.S. telah terjalin sejak kemerdekaan negara kita lagi pada tahun 1957.

Prestasi perdagangan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat kekal kukuh pada 2016 walaupun ekonomi dunia mengalami ketidakpastian. Amerika Syarikat merupakan rakan dagang kedua terbesar Malaysia dan destinasi eksport ketiga terbesar bagi Malaysia

pada 2016. Di rantau ASEAN, Malaysia juga merupakan rakan dagang kedua terbesar Amerika Syarikat dan sumber eksport ketiga terbesar bagi Amerika Syarikat.

A.S. juga merupakan pelabur kedua terbesar di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak USD21 bilion dan jumlah peluang pekerjaan sebanyak 282,408 setakat September 2016.

Hubungan perdagangan dan pelaburan Malaysia dan Amerika Syarikat dijangka akan terus berkembang berdasarkan hubungan timbal balik yang sedia ada di antara syarikat-syarikat di Malaysia dan di Amerika Syarikat. Selain ini, syarikat-syarikat A.S. yang merupakan MNCs sudah lama mengintegrasikan operasi mereka ke dalam *Global Value Chain* di mana Malaysia merupakan rakan dagang yang penting untuk menjalankan operasi mereka di rantau ASEAN.

MITI akan terus memantau dasar-dasar perdagangan Amerika Syarikat yang berkaitan dan akan berusaha mengukuhkan hubungan dua hala yang sedia ada untuk menjamin kepentingan Malaysia. Ini termasuk melalui pejabat luar MITI di Washington yang akan terus memantau dan menganalisa impak dari dasar-dasar baru pentadbiran Amerika Syarikat yang masih belum jelas.